

Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia

Zurita Mohd Yusoff

ABSTRACT

Islam as a way of life often emphasizes marital issues. Islam asks Muslims to appreciate their spouse by performing good akhlaq towards them. Allah s.w.t. asks husbands to spend money or give gifts to their wives. This kind of gift, known as mahar, is compulsory to all husbands only once during the marriage. A problem arises when some people in our society demand a very high rate of mahar and this becomes a burden to men. Islam never tells the Muslims to demand a very high rate of mahar because it will become a problem to the society and ummah. For example, a man who wants to marry a woman may have to postpone or even cancel the marriage because he doesn't have enough money for mahar. In addition, the family may feel boastful (riak) because they received much money for their daughter's marriage. This article will discuss mahar from an Islamic perspective and also its application in Malaysia.

Pengenalan

Mas kahwin atau mahar turut disebut di dalam al-Quran sebagai *al-sadaq*, *an-nihlah*, *al-a'jr* dan *al-faridhah* (Anwar al-Amrusi 2002, 63). Ia berasal daripada perkataan bahasa Arab yang ditakrifkan sebagai harta yang wajib diberikan kepada pihak perempuan atau isteri dalam akad nikah dan berlakunya hubungan kelamin dengan suaminya. Mas kahwin juga ialah harta yang wajib diserahkan kepada wanita yang disetubuhi dengan *syubhah* (samar) dan juga pernikahan yang *fasid*.

Persetubuhan *syubhah* ialah persetubuhan yang berlaku dengan wanita selain isterinya kerana tersilap seperti menyangka wanita itu adalah isterinya, sedangkan sebenarnya wanita tersebut merupakan kembar seiras kepada isterinya. Pernikahan yang *fasid* pula ialah pernikahan yang terpaksa dibatalkan seperti pernikahan yang berlaku dengan wanita-wanita yang haram dikahwini, nikah kontrak dan juga nikah *muhallal* (cina buta) (Abdul Rahman al-Jaziri 1990: 4: 89-90).

Pihak lelaki wajib membayar *mahar mithil* sekiranya telah berlaku hubungan kelamin dalam pernikahan *syubhah* dan *fasid*. *Mahar mithil* ialah mas kahwin yang ditentukan berdasarkan kadar mas kahwin wanita-wanita sebelah bapa seperti adik beradik perempuan seibu sebapa, ibu saudara sebelah

bapa dan sepupu perempuan dari sebelah bapa. Persamaan sifat di antara pengantin perempuan dengan saudara-saudaranya juga diambil kira dalam menentukan kadar mas kahwin. Sifat-sifat yang dimaksudkan itu ialah umur, kecantikan, harta, akal, agama dan statusnya sama ada gadis atau janda (Al-Sayyid Sabiq 1987, 4: 150).

Dengan ini, mas kahwin dapat ditakrifkan sebagai sejumlah harta yang diberikan oleh seseorang lelaki kepada wanita yang dinikahnya. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa keadaan apabila mas kahwin dibayar bukan kerana berlakunya pernikahan, tetapi kerana persetubuhan yang *syubhah* dan pernikahan yang *fasid*.

Rencana ini akan melihat amalan pemberian mas kahwin di Malaysia. Seringkali timbul masalah dalam masyarakat seperti ketidakmampuan pihak lelaki membayar mas kahwin yang telah ditetapkan oleh pihak wanita. Kesannya, ada pasangan yang bernikah di sempadan Thailand. Kesan yang lebih buruk lagi ialah mereka berterusan melakukan maksiat sehingga ada di kalangan mereka yang terlanjur melakukan perzinaan. Allah s.w.t. memberikan panduan di dalam al-Quran dan al-Hadith tentang cara yang terbaik dalam menetapkan nilai mas kahwin. Rencana ini juga akan melihat amalan pemberian mas kahwin di Malaysia seperti yang telah digariskan dalam Islam.

Tuntutan Islam Terhadap Mas Kahwin

Mas kahwin adalah satu pemberian yang dituntut dalam perkahwinan Islam dan diwajibkan ke atas semua suami. Mas kahwin wajib diberikan oleh suami kepada isteri sekali sahaja sepanjang pernikahan kecuali sekiranya mereka bernikah untuk kali kedua. Pernikahan kali kedua hendaklah dilakukan dengan akad yang baru dan mas kahwin yang baru (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani 2005, 4: 873).

Para fuqaha' bersepakat bahawa hukum pemberian mas kahwin adalah wajib (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani 2005, 4: 811). Walau bagaimanapun, mas kahwin bukan salah satu daripada rukun nikah yang menentukan sah atau tidaknya suatu pernikahan. Tetapi, mas kahwin adalah kewajipan yang berlaku sebagai kesan daripada tertunainya rukun-rukun yang telah ditetapkan (Wahbah al-Zuhaili, 9: 6761). Rukun-rukun nikah ialah suami, isteri, wali dan saksi.

Dalil yang menunjukkan bahawa mas kahwin bukannya rukun nikah ialah ayat 236 Surah al-Baqarah:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا
لَهُنَّ فَرِيضَةٌ وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ وَعَلَى الْمَقْتَرِ قَدْرَهُ
مَتَّعَا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

Maksudnya:

Tidak ada kewajiban membayar (mas kahwin) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut, yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.

(Surah al-Baqarah: 236)

Ayat di atas menerangkan bahawa talak dikira sah walaupun sebelum berlakunya hubungan kelamin dan sebelum diserahkan mahar. Sekiranya mas kahwin adalah sebahagian daripada rukun nikah, sudah tentu talak tidak sah sekiranya penyerahan mahar belum berlaku.

Kewajiban memberikan mas kahwin adalah berlandaskan dalil-dalil qat'i daripada al-Quran dan as-Sunnah seperti berikut:

Dalil dari al-Quran

Firman Allah s.w.t:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ
فَسَافِكُوهُ هِنِيئًا مَرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya:

Berikanlah mas kahwin kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.

(Surah an-Nisa': 4)

Berdasarkan kepada firman di atas, mas kahwin adalah perkara yang wajib diberi oleh suami kepada isteri. Ini bermakna, sesiapa yang sengaja mengingkari perintah ini hukunya ialah berdosa. Mas kahwin juga ialah hak milik mutlak isteri. Namun, sekiranya isteri memberikan sebahagian mas kahwinnya kepada suami, maka tiada sebarang tegahan untuk suami tersebut menerimanya.

Seterusnya, Allah s.w.t. juga berfirman:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً
وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

Maka isteri-isteri yang telah kamu nikmati (campuri) di antara mereka, berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna), sebagai satu kewajipan, dan tidak mengapa bagi kamu terhadap sesuatu yang kamu telah saling merelakannya, sesudah menentukan mas kahwin itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah an-Nisa': 24)

Di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. berfirman:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا
لَهُنَّ فَرِيضَةٌ وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ وَعَلَى الْمَقْتِرِ قَدْرَهُ
مَتَّعَا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Tidak ada kewajipan membayar (mas kahwin) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut, yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.

(Surah al-Baqarah: 236)

Ayat ketiga ini pula menerangkan tentang pengecualian mas kahwin ke atas suami yang menceraikan isterinya sebelum berlaku hubungan kelamin. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki membayar *mut'ah*, iaitu harta yang suami wajib serahkan kepada isteri yang telah berpisah dengannya sama ada dengan sebab *talak* (cerai) atau perpisahan (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani 2005, 4: 821).

Bagi suami yang telah menyerahkan mas kahwin kepada isteri, kemudian menceraikannya maka Allah s.w.t. melarang mereka meminta semula mas kahwin tersebut daripada isteri. Ini bererti, mas kahwin adalah hak mutlak isteri yang tidak boleh dituntut semula walaupun mereka telah bercerai.

Larangan ini juga disebut di dalam ayat yang lain:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أُسْتَبَدَّالَ زَوْجَ مَكَانِ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ
إِحْدَهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَهُ
بُهْتِنًا وَإِنَّمَا مِيبِنَا ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikit pun. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan dengan (menanggung) dosa yang nyata.

(Surah an-Nisa': 20)

Dalil dari as-Sunnah

Rasulullah s.a.w. bersabda:

فالتمس ولو خاتما من حديد..

Maksudnya:

Berikanlah (kepada isterimu sebagai mas kahwin) walaupun hanya sebetuk cincin besi.

(Muhammad Idris Abdul Rauf, 1937: 95)

Hadith di atas pula menjadi bukti bahawa Rasulullah s.a.w. mewajibkan para suami menyerahkan mas kahwin kepada isterinya. Baginda Rasulullah s.a.w. sangat menitik beratkan soal mas kahwin sehingga baginda mengingatkan suami tentang kewajipan mas kahwin walaupun hanya dengan sebetuk cincin besi.

Dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah di atas jelas menunjukkan bahawa mas kahwin adalah satu perkara yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. kepada semua suami. Ini menunjukkan Islam tidak memandang rendah kepada kaum wanita, bahkan Islam menetapkan beberapa hukum berkaitan hak wanita dengan tujuan untuk memartabatkan kaum wanita sendiri.

Nilai Mas Kahwin Menurut Islam

Islam adalah agama yang adil dan tidak memberatkan penganutnya, sesuai dengan firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ
عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.

(Surah al-Hajj: 78)

Hal ini terbukti dari segi penetapan kadar mas kahwin. Walaupun Allah s.w.t. mewajibkan para suami menyediakan mas kahwin, tetapi kadarnya tidak ditetapkan (Wahbah az-Zuhaili 1997, 6762). Ini bermaksud, kadar mas kahwin hendaklah diberikan menurut kemampuan bakal suami. Di dalam hadith yang telah diterangkan sebelum ini, Rasulullah s.a.w. mengharuskan pemberian mas kahwin dengan kadar yang rendah, iaitu sebetuk cincin besi.

Bagi suami yang berkemampuan, tiada larangan kepada mereka untuk memberikan mas kahwin yang tinggi nilainya. Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Quran dengan menyebut perkataan *قنطارا*, yang membawa maksud harta yang banyak:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ
إِحْدَهُنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَ
بِهَتِّنَا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikit pun. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan dengan (menanggung) dosa yang nyata?

(Surah an-Nisa': 20)

Ayat di atas menjadi dalil keharusan memberikan mas kahwin yang tinggi atau banyak kepada isteri. Walau bagaimanapun, kadarnya hendaklah berdasarkan kemampuan suami dan jangan sampai berhutang atau merampas harta orang lain semata-mata untuk memenuhi kehendak bakal isteri. Begitu juga, walaupun pihak suami mampu menyerahkan mas kahwin yang tinggi, tetapi beberapa aspek yang lain perlu juga diambil kira. Antaranya ialah jangan sehingga menimbulkan riak atau sikap menunjuk-nunjuk di hati bakal pengantin sama ada lelaki mahupun wanita (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani 2005, 4: 824).

Dalam satu riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. pernah menyelesaikan masalah seorang sahabat berkaitan kadar mas kahwin.

عن سهل بن سعد الساعدي قال جاءت امرأة الى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالت يا رسول الله جئت اهب لك نفسي فنظر اليها رسول الله صلى الله عليه وسلم فصعد النظر فيها وصوره ثم طأطأ رسول الله صلى الله عليه وسلم رأسه فلما رأت المرأة أنه لم يقض فيها شيئا جلست فقام رجل من أصحابه فقال يا رسول الله ان لم يكن لك بها حاجة فزوجنيها فقال فهل عندك من شيء فقال لا والله يا رسول الله فقال اذهب الى أهلك فانظر هل تجد شيئا فذهب ثم رجع فقال والله ما وجدت شيئا فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم انظر ولو خاتما من حديد فذهب ثم رجع فقال والله يا رسول الله ولا خاتما من حديد ولكن هذا إزارى ((قال سهل ما له رداء)) فلها نصفه فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما تصنع بازارك ان لبسته لم يكن عليها منه شيء وان لبسته لم يكن عليك منه شيء فجلس الرجل حتى اذا طال مجلسه قام فرآه رسول الله صلى الله عليه وسلم موليا فأمر به فدعى فلما جاء قال ماذا معك من القرآن قال معى سورة كذا وسورة كذا ((عدّها)) فقال تقرأهن عن ظهر قلبك قال نعم قال اذهب فقد ملكتها بما معك من القرآن.

Maksudnya:

Dari Sahal bin Sa'ad as-Sa'idi r.a. katanya: Seorang perempuan datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu dia berkata: "Aku datang untuk menyerahkan diriku kepada anda." Rasulullah s.a.w. melihat kepada perempuan itu dari atas ke bawah. Kemudian baginda diam sambil menundukkan kepala. Perempuan itu melihat Rasulullah s.a.w. tidak memberi apa-apa tanggapan, lalu dia pun duduk. Kemudian berdirilah seorang sahabat sambil berkata, "ya Rasulullah! Jika tuan tidak memerlukan wanita itu, kahwinkanlah dia denganku." Baginda bertanya, "adakah engkau mempunyai sesuatu untuk mas kahwinnya?" Jawab sahabat itu: "Demi Allah tidak! Ya Rasulullah." Sabda baginda lagi, "pergilah kepada keluargamu, mungkin engkau boleh mendapatkan sesuatu." Kemudian, pergilah pemuda itu. Setelah kembali, dia berkata, "demi Allah, tiada sesuatu pun kuperolehi untuk mas kahwinnya." Rasulullah s.a.w. bersabda lagi, "cubalah

engkau mencarinya, walaupun hanya sebetuk cincin besi.” Kemudian, pergilah pemuda itu. Setelah kembali, dia berkata, “tidak ada ya Rasulullah, tidak ada walaupun sebetuk cincin besi. Yang ada hanyalah sarungku ini.” (Kata Sahal, dia tidak memiliki sarung selain yang dipakainya). “Akan kuberikan separuh untuknya.” Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya, “apa yang dapat engkau perbuat dengan sarungmu itu, jika engkau pakai, dia tidak dapat memakainya, dan jika dia memakainya, engkau tak punya apa-apa.” Kerana memikirkan tentang mas kahwin, terduduklah sahabat tersebut. Setelah agak lama dia duduk, kemudian dia berdiri dan Rasulullah s.a.w. melihat sahabat itu pergi, kemudian baginda menyuruh orang memanggilnya. Apabila sahabat itu datang, baginda bersabda, “adakah apa-apa surah yang engkau hafal daripada surah-surah al-Quran?” Jawabnya: “Aku menghafal surah ini dan surah itu.” Rasulullah s.a.w. bertanya lagi: “Dapatkah engkau hafal di luar kepala?” Jawabnya, “ya.” Sabda Rasulullah s.a.w., “engkau bawalah dia! Aku kahwinkan engkau dengannya, dengan mahar mengajarkan kepadanya al-Quran yang engkau hafal!”

(Sahih Muslim 2005, 1348: 57)

Hadith di atas menerangkan bahawa Islam tidak memberatkan umatnya dengan kadar mas kahwin yang tinggi. Hadith ini juga menjadi dalil tentang keharusan menyerahkan mas kahwin yang sedikit atau rendah kepada isteri.

Walaupun pihak suami bebas menyerahkan mas kahwin mengikut persetujuan bakal isteri tanpa dihadkan nilainya, namun terdapat panduan daripada Rasulullah s.a.w. sendiri dalam menetapkan kadarnya:

عن أبي سلمة بن عبد الرحمن أنه قال سألت عائشة زوج النبي صلى الله عليه وسلم كان صدق رسول الله صلى الله عليه وسلم قالت كان صدقه لأزواجه ثنتي عشرة أوقية ونشأ قالت أتدرى ما النش قال قلت لا قالت نصف أوقية فتلك خمسمائة درهم فهذا صدق رسول الله صلى الله عليه وسلم لأزواجه.

Maksudnya:

Dari Abu Salamah bin Abdurrahman r.a. katanya, “aku bertanya kepada Aisyah r.a. isteri Nabi s.a.w., berapakah mas kahwin Rasulullah s.a.w.?” Jawabnya, “mas kahwin Rasulullah s.a.w. untuk para isteri baginda dua belas uqiyah dan satu nasy. Tahukah anda berapa satu nasy itu?” Jawabku, “tidak!” Kata beliau, “setengah uqiyah, maka jumlahnya sama dengan lima ratus dirham. Begitulah mas kahwin Rasulullah s.a.w. bagi isteri-isteri baginda.”

(Sahih Muslim, 2005: 59)

Dengan ini, terbukti bahawa Allah s.w.t. tidak menetapkan berapakah kadar mas kahwin yang sepatutnya diberikan oleh suami kepada isteri. Ini bertujuan untuk tidak membebankan umat Islam yang ingin mendirikan rumah tangga. Rasulullah s.a.w. sendiri memberikan mas kahwin yang sederhana jumlahnya kepada para isteri baginda. Cara yang ditunjukkan oleh baginda ini

adalah contoh untuk umat Islam yang boleh mengelakkan gejala buruk seperti masalah hutang dan perasaan menunjuk-nunjuk.

Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia

Di Malaysia, persoalan mas kahwin menjadi tanggungjawab Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa Sultan di setiap negeri. Sebagai contoh, mengikut peruntukan seksyen 21(1) dan (2) dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).

1. Mas kahwin hendaklah biasanya dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak perempuan atau wakilnya di hadapan orang yang mengadakan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain.
2. Pendaftar hendaklah, mengenai tiap-tiap perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya, menentu dan merekodkan:
 - a. nilai dan butir-butir lain mas kahwin.
 - b. nilai dan butir-butir lain pemberian.
 - c. nilai dan butir-butir lain apa-apa bahagian mas kahwin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa akad nikah itu, dan tarikh yang dijanjikan untuk penjelasan; dan butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin atau pemberian (*Mahar Menurut Perspektif Islam*, 2007: <http://www.islam.gov.my/portal/pdf/Mahar.pdf>).

Daripada Akta di atas, didapati mas kahwin adalah satu perkara yang sangat dititikberatkan oleh pihak Jabatan Agama Islam sehingga disyaratkan supaya diserahkan ketika akad nikah. Walaupun Islam tidak mensyaratkan supaya disegerakan mas kahwin atau dijelaskan oleh suami secara tunai (Anwar al-Amrusi 2002, 134), tetapi pihak berwajib di Malaysia mengambil langkah ini berdasarkan masalah semasa. Pendaftar pula dilantik untuk mencatatkan segala butir berkaitan mas kahwin bagi setiap pernikahan. Peraturan ini bertujuan mengelakkan penipuan, penganiayaan dan masalah yang tidak diingini berlaku setelah berlangsungnya sesebuah pernikahan.

Dari segi kadar mas kahwin, ia ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam setiap negeri dan terikat dengan kuasa Sultan. Ini bermaksud, perkara-perkara yang berdasarkan perkahwinan, termasuklah kadar mas kahwin adalah berbeza mengikut negeri masing-masing. Nilai mas kahwin bagi setiap negeri boleh

dilihat seperti di bawah:

Jadual: Nilai Mas Kahwin Seluruh Negeri di Malaysia

Bil	Negeri	Nilai Mas Kahwin Bagi Gadis	Nilai Mas Kahwin Bagi Janda
1	JOHOR	RM 22.50	RM 22.50
2	MELAKA	RM 40.00	RM 40.00
3	NEGERI SEMBILAN		
	a. Bukan Waris	RM 24.00	RM 12.00
	b. Ahli Waris	RM 48.00	RM 24.00
	c. Kerabat Diraja di Wilayah	RM 725.00	Tidak ditentukan
4	SELANGOR		
	a. Puteri Sultan	RM 2,500.00	RM 625.00
	b. Puteri Raja Muda atau Putera Sultan yang bergelar	RM 2,000.00	RM 500.00
	c. Puteri Kerabat	RM 1,000.00	RM 250.00
	d. Puteri Anak Raja (Waris)	RM 550.00	RM 137.50
	e. Puteri Anak Raja (yang lain)	RM 300.00	RM 75.00
	f. Anak Perempuan Orang-orang Besar	RM 300.00	RM 75.00
	g. Cucu Orang Besar	RM 200.00	RM 50.00
	h. Orang Kebanyakan	RM 80.00	RM 75.00
5	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	RM 101.00	RM 40.00
6	PERAK	RM 24.00	Tidak ditentukan
7	PULAU PINANG	RM 24.00	Tidak ditentukan
8	KEDAH	Tidak ditentukan	Tidak ditentukan
9	PERLIS	RM 22.50	Tidak ditentukan
10	PAHANG	Tidak ditentukan	RM 22.50
11	TERENGGANU	Tidak ditentukan	Tidak ditentukan

Jadual: Nilai Mas Kahwin Seluruh Negeri di Malaysia (samb.)

No	Negeri	Nilai Mas Kahwin Bagi Gadis	Nilai Mas Kahwin Bagi Janda
12	KELANTAN	Tidak ditentukan	Tidak ditentukan
13	SABAH	RM 100.00	RM 80.00
14	SARAWAK	RM 120.00	RM 120.00
15	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	RM 80.00	RM 80.00

(Nilai Mas Kahwin Seluruh Negeri di Malaysia, http://www.islam.gov.my/informasi/nilaimas_kahwin_negeri.:_2007)

Nilai mas kahwin yang disenaraikan di atas adalah nilai terkini, kecuali bagi Negeri Sembilan. Pada Oktober 2006, Kerajaan Negeri Sembilan telah menyelaraskan kadar baru iaitu RM200.00 bagi wanita yang belum bernikah dan RM100.00 bagi janda (*Negeri Sembilan Naikkan Mas Kahwin*, Berita Harian 2006). Bagi Negeri Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan kadarnya tidak ditetapkan.

Berdasarkan jadual di atas, didapati nilai mas kahwin bagi setiap negeri di Malaysia adalah berbeza. Bagi wanita di Negeri Johor, nilai mas kahwinnya ialah RM22.50 sahaja sama ada gadis atau pun janda. Selain Negeri Johor, Negeri Melaka turut menetapkan nilai yang sama bagi gadis dan janda, iaitu sebanyak RM40.00. Begitu juga bagi Pulau Pinang, Pahang, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Nilai mas kahwin bagi wanita di Pulau Pinang ialah RM24.00, manakala di Pahang ialah RM22.50. Di Sarawak, nilai yang jauh lebih tinggi ditetapkan iaitu RM120.00, manakala di Wilayah Persekutuan Labuan nilai mas kahwin bagi wanita sama ada gadis atau janda ialah RM80.00.

Bagi Negeri Selangor, nilai mas kahwin yang ditetapkan berbeza mengikut status seseorang wanita dalam masyarakat. Nilai mas kahwin bagi puteri Sultan yang masih gadis ialah RM2,500.00, manakala bagi puteri Sultan yang berstatus janda, nilai mas kahwinnya ialah RM625.00 sahaja. Mas kahwin puteri Raja Muda atau puteri kepada putera Sultan yang bergelar ialah RM2,000.00 bagi gadis dan RM500.00 bagi janda. Nilai yang berbeza ditetapkan untuk puteri kerabat iaitu RM1,000.00 bagi gadis dan RM250.00 bagi janda.

Sebanyak RM550.00 ditetapkan sebagai mas kahwin untuk puteri anak Raja yang berstatus waris dan masih gadis, manakala RM137.50 bagi janda. Bagi puteri anak Raja yang bukan waris dan masih gadis, nilai mas kahwinnya ialah RM300.00. Bagi yang berstatus janda, nilainya ialah RM75.00. Nilai yang sama juga didapati telah ditetapkan bagi anak perempuan Orang-orang Besar. Mas kahwin untuk cucu Orang Besar adalah lebih rendah berbanding golongan-

golongan sebelum ini, iaitu RM200.00 bagi gadis dan RM50.00 bagi janda. Bagi orang kebanyakan pula, nilai yang jauh lebih rendah ditetapkan iaitu RM80.00 bagi gadis dan RM40.00 bagi janda.

Jumlah yang tertera di atas hanyalah sebagai panduan. Pihak lelaki boleh memberikan jumlah mas kahwin lebih daripada kadar yang dicadangkan, tetapi tidak boleh kurang dari jumlah tersebut. Dengan kata lain, jumlah yang ditetapkan di atas adalah kadar minimum sebagai panduan kepada bakal suami.

Walaupun bagaimanapun, di Negeri Sembilan dan Selangor didapati wujud perbezaan nilai mas kahwin berdasarkan status seseorang wanita. Sebagai contoh, di Selangor nilai mas kahwin untuk puteri Sultan mencecah sehingga RM2,500.00. Tetapi, nilai ini amat berbeza sekali bagi orang kebanyakan iaitu RM80.00 sahaja. Walaupun tiada larangan dalam Islam untuk menetapkan nilai mas kahwin, perbezaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana Islam menganjurkan persamaan dan hanya ketakwaan kepada Allah yang membezakan manusia.

Daripada senarai di atas, didapati kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah tidaklah terlalu tinggi dan sememangnya mampu dibayar oleh penduduk Malaysia sama ada yang berpendapatan tinggi atau rendah. Tetapi, masalah berlaku apabila orang ramai menjadikan mas kahwin sebagai satu perkara yang memberatkan dengan meletakkan kadar yang terlalu tinggi. Keluarga bakal pengantin perempuan sering menuntut mas kahwin yang tinggi sehingga kadangkala mencecah puluhan ribu.

Nilai ini mungkin tidak menjadi masalah bagi lelaki yang mampu dari segi kewangan. Tetapi ia akan menjadi masalah yang besar kepada pihak lelaki yang kurang mampu dari segi kewangannya walaupun telah memenuhi syarat-syarat yang lain. Seseengah pasangan yang ingin berkahwin terpaksa menanggungkan perkahwinan kerana pihak lelaki tidak mampu memenuhi jumlah mas kahwin yang dituntut oleh pihak perempuan. Keadaan ini akan membawa kepada pertambahan masalah sosial seperti meningkatnya kes zina dan khalwat (Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani 2005, 4: 824).

Silap Faham Masyarakat Terhadap Konsep Mas Kahwin dan Wang Hantaran

Dalam konteks pernikahan, istilah mas kahwin dan wang hantaran sering diguna pakai. Kadangkala, kedua-dua istilah ini disamaertikan walaupun sebenarnya ia membawa maksud yang berbeza. Pertembungan di antara hukum dan adat adalah antara faktor yang mencetuskan kekeliruan tersebut.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, mas kahwin ialah harta yang wajib diberikan kepada pihak perempuan atau isteri dalam suatu akad nikah sebagai pertukaran seorang lelaki menyetubuhinya. Ia juga merupakan harta

yang wajib diserahkan kepada wanita yang disetubuhi dengan *syubhah* (samar) dan juga pernikahan yang *fasid* (Abdul Rahman al-Jaziri, 1990: 89).

Sebaliknya, wang hantaran lebih merupakan hadiah atau saguhati yang diberikan oleh suami, tetapi tidak wajib dan terpulang kepada pasangan untuk menentukan kadarnya. Kerajaan juga tidak menetapkan kadar wang hantaran ini. (*Wang hantaran - Hadiah Untuk Bakal Isteri*, <http://www.sisterinislam.org.my/legalcolumn>. 2007). Dalam perkahwinan tradisional di Malaysia, wang hantaran digubah dalam pelbagai bentuk atau dibungkus dalam kain sahaja mengikut adat daerah masing-masing. Iringan yang lain termasuklah bunga rampai, sirih junjung, pahar telur merah berserta nasi semangat, alat solek dan buah-buahan (*Buku Upacara Perkahwinan Tradisional di Malaysia*, 1978: 4).

Masyarakat sepatutnya faham wang hantaran bukanlah satu perkara wajib yang dituntut oleh Islam. Ini kerana masyarakat hari ini seolah-olah menganggap wang hantaran adalah rukun pernikahan sehingga terdapat pasangan yang terpaksa membatalkan hasrat untuk berkahwin kerana pihak lelaki tidak mampu menyediakan wang hantaran yang tinggi. Walaupun penetapan wang hantaran biasanya adalah berdasarkan faktor semasa sedangkan harga barang-barang semakin naik, tetapi sikap membebankan pasangan yang ingin berkahwin adalah tidak wajar dan menyimpang dari ajaran Islam (*Wang Hantaran Bukan Suatu Beban*, *Utusan Malaysia*, 15 Mei 2007).

Sebenarnya, memadai sekiranya bakal pengantin lelaki yang kurang mampu dari segi kewangannya menyediakan mas kahwin sahaja kerana mas kahwin adalah perkara wajib. Wang hantaran pula tidak perlu dititikberatkan sedangkan bakal pengantin lelaki tidak mampu. Tambahan pula, pemuda yang ingin berkahwin biasanya berumur di antara 20 hingga 30 tahun dan baru mendapat pekerjaan serta belum kukuh dari segi kewangannya.

Kesimpulan

Daripada huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa amalan pemberian mas kahwin di Malaysia kurang menepati ajaran Islam. Nilai mas kahwin yang dituntut oleh pihak wanita seringkali terlalu tinggi dan mengundang pelbagai masalah kepada kaum lelaki. Ini menyebabkan sesetengah pasangan terpaksa bernikah di sempadan Thailand. Sesetengahnya pula mengambil keputusan untuk membatalkan sahaja hasrat mendirikan rumahtangga. Tidak kurang juga mereka yang sanggup berterusan melakukan maksiat sehingga berlaku perzinaan.

Nilai mas kahwin yang ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia kebanyakannya berpatutan dan tidak menjadi bebanan kepada bakal suami. Walau bagaimanapun, ramai di kalangan masyarakat tidak mengambil kira nilai

tersebut. Sebaliknya, mereka menetapkan sendiri nilai mas kahwin yang jauh lebih tinggi dan di luar kemampuan bakal suami.

Salah faham masyarakat terhadap kadar sebenar mas kahwin perlu dijelaskan agar tidak menjadi semakin parah. Sikap menunjuk-nunjuk atau riak dalam menentukan jumlah mas kahwin hendaklah dikikis secara beransur-ansur kerana sikap buruk ini telah menjadi tradisi di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Dengan ini, masyarakat perlu kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar agar masalah-masalah yang berlaku ini dapat diselesaikan dengan penuh hikmah.

Rujukan

Abdul Rahman al-Jaziri, 1990, *Kitab ala Mazahib al-Arba'ah*, Juzuk 4, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Sayyid Sabiq, 1987, *Fiqh as-Sunnah*, Juzuk 2, Cetakan Kelapan, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Anwar al-Amrusi, 2002, *Al-Ahkam al-Syar'iyyah fi al-Zawaj wa al-Khulu'*, Juzuk 1, Cetakan Pertama, Iskandariyyah: Dar al-Fikri al-Jamii.

Muhammad Idris Abdul Rauf, 1937, *Kitab Bahru al-Mazi Mukhtasar Sahih at-Tirmizi*. Juzuk 8, Mesir: Maktabah al-Bani al-Halbi.

Mustafa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbani, 2005, *Kitab Fikah Mazhab Syafii*, Terjemahan *al-Fiqh al-Manhaji*, Jilid iv, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Wahbah az-Zuhaili, 1997, *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juzuk 9, Cetakan Keempat, Damsyik: Dar al-Fikr al-Muasar.

Buku *Upacara Perkahwinan Tradisional di Malaysia - sempena Pameran di Muzium Negara* (1978).

Mahar Menurut Perspektif Islam, 2007, <http://www.islam.gov.portal/pdf/pdf/mahar.pdf>.

Negeri Sembilan Naikkan Mas Kahwin, *Berita Harian*, 19 Oktober 2006.

Nilai Mas Kahwin Seluruh Malaysia, 2007.

<http://www.islam.gov.my/informasi/nilaimaskahwinnegeri>.

Terjemahan Hadis Sahih Muslim, 2005, Terjemahan Ma'mur Daud, Jilid 3.

Wang Hantaran Bukan Suatu Beban, *Utusan Malaysia*, 15 Mei 2007.

Wang Hantaran - Hadiah Untuk Bakal Isteri, 2007, <http://www.sisterinislam.org.my/legalcolumn>.

ZURITA MOHD YUSOFF

Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Darul Iman Malaysia

Kampus KUSZA, Gong Badak

21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

Emel: zurita@udm.edu.my.